

# BN Selangor 16 NOV 1999 kenal pasti 20 'kawasan hitam'

SHAH ALAM 15 Nov. — Barisan Nasional (BN) Selangor telah mengenal pasti beberapa kawasan di negeri ini yang dianggap 'kawasan hitam' pada pilihan raya umum kali ini.

Ketua Perhubungan BN Negeri yang juga Menteri Besar, Datuk Seri Abu Hassan Omar memberitahu, selain 'kawasan hitam', pihaknya juga mengenal pasti beberapa kawasan yang dianggap 'kelabu'.

Bagaimanapun, Abu Hassan enggan menyatakan nama kawasan-kawasan itu.

"Biasalah, setiap kali pilihan raya... ada kawasan hitam dan ada kawasan kelabu tetapi setiap wakil parti masing-masingnya mempunyai peluang yang sama rata.

"Bagi kawasan kelabu, kita usaha jadikannya putih dan bagi kawasan hitam pula, kita akan kelabukan seterusnya putihkannya kembali," ujarnya pada sidang akhbar selepas mengadakan pertemuan dengan para pegawai kanan kerajaan negeri di sini hari ini.

Jelasnya, apa yang pasti, BN negeri akan berusaha merampas tiga kerusi yang sebelum ini dimenangi oleh calon DAP.

Kepada satu soalan, beliau memberitahu, senarai calon BN negeri hanya akan diketahui secara rasmi menjelang Khamis ini setelah beliau mengadakan pertemuan dengan Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.